

<https://journal.unisza.edu.my/jimk>

**SOROTAN LITERATUR KESEDARAN WANITA BEKERJAYA  
TENTANG HAK-HAK SELEPAS PERCERAIAN**

**[LITERATURE REVIEW OF CAREER WOMEN'S AWARENESS  
ON POST-DIVORCE RIGHTS]**

RODIAH MUSTAFA<sup>1\*</sup>  
ZAINI NASOHAH<sup>1</sup>

<sup>1</sup> Pusat Kajian Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia,  
43600 Selangor, Malaysia.

\*Corresponding Author: [p105397@siswa.ukm.edu.my](mailto:p105397@siswa.ukm.edu.my)

Received Date: 10 June 2022 • Accepted Date: 30 August 2022

**Abstrak**

Wanita berkerjaya adalah salah satu komponen yang penting dalam institusi keluarga, komuniti, dan negara. Tidak semua wanita berpeluang mengecap kesejahteraan sebagai suri rumahtangga dan juga tanggungjawab di tempat kerja. Ada wanita yang terpaksa melepaskan salah satu peranan tersebut bagi meneruskan kelangsungan hidup dan memilih perceraian. Kes-kes perceraian di Malaysia dilaporkan meningkat dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) akibat pandemik Covid-19. Dalam kepedihan melalui proses perceraian itu, ada wanita dilihat seolah tidak mempedulikan hak-hak selepas perceraian yang sepatut menjadi miliknya sama ada secara sengaja atau tidak menyedarinya. Artikel ini bertujuan membentangkan analisis sorotan literatur berkaitan isu kesedaran wanita berkerjaya tentang hak-hak selepas perceraian. Pendekatan analisis kandungan secara perbandingan telah digunakan dalam menggabung jalinan sumber-sumber literatur yang diperolehi. Hasil analisis menunjukkan bahawa semua hak wanita selepas perceraian telah disusun kemas termaktub dalam Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam setiap negeri. Namun terdapat segelintir wanita yang kurang kesedaran untuk menuntut semua hak yang layak untuknya di atas pelbagai faktor. Hasil analisis juga mendapati kebanyakan hasil penulisan tidak mengaitkan kesan positif yang terhasil apabila kesedaran itu wujud kepada pihak-pihak yang terlibat dalam perceraian. Oleh itu kajian lanjut untuk melihat kesan positif daripada kesedaran wanita tentang hak-hak selepas perceraian amat wajar dilaksanakan.

Kata Kunci: Wanita Berkerjaya, Kesedaran, Hak Selepas Perceraian, Covid-19

**Abstract**

Working women are one of the essential components of family, community, and national institutions. Not all women have the opportunity to taste well-being as a housewife and also responsibilities in the workplace. There are women who have had to give up one of those roles in

order to survive and choose divorce. Divorce cases in Malaysia were reported to have increased during the Movement Control Order (PKP) period due to the Covid-19 pandemic. In the agony of going through the divorce process, some women are seen as disregarding the rights after a divorce that should have belonged to them either intentionally or unknowingly. This article aims to present an analysis of the literature highlights related to the issue of awareness of career women about rights after divorce. A comparative content analysis approach has been used in combining the interweaving of the literature sources obtained. The results of the analysis show that all women's rights after divorce have been neatly enshrined in the Islamic Family Law Enactment of each state. Yet there are a handful of women who lack the awareness to claim all the rights they deserve on a variety of factors. The results of the analysis also found that most of the writing results did not relate the positive effects that resulted when the awareness existed to the parties involved in the divorce. Therefore further studies to see the positive effects of women's awareness of post-divorce rights are highly desirable.

*Keywords:* Working Women, Awareness, Right After Divorce, Covid-19.

**Cite as:** Rodiah Mustafa & Zaini Nasohah. 2022. Sorotan Literatur Kesedaran Wanita Bekerjaya Tentang Hak-Hak Selepas Perceraian [Literature Review of Career Women's Awareness on Post-Divorce Rights]. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 23(2): 221-222

## PENGENALAN

Wanita dan Undang-undang Keluarga Islam adalah antara topik yang tidak lapuk dan sering mendapat perhatian. Kedudukan wanita sebagai isteri dan ibu sangat besar peranannya dan menuntut pengorbanan yang tinggi apatah lagi sekiranya wanita tersebut bekerja. Rasulullah SAW dalam khutbah terakhir baginda pada tahun ke-10 Hijrah sekali gus mengingatkan umatnya agar memelihara dan memberikan hak-hak yang sepatutnya kepada kaum wanita (al-Buti, 1991: 330). Kaum wanita di Malaysia diletakkan setaraf dengan kaum lelaki dari sudut mendapatkan hak sama ada dari segi pendidikan, perkahwinan, pekerjaan, pemilikan harta, hak bersuara dan sebagainya. Ini menunjukkan, kaum wanita tidak pernah didiskriminasikan dan mendapat hak yang sama dengan golongan masyarakat yang lain.

Pada awal 1980-an, Malaysia mula meminda dan menguatkuasakan undang-undang tertentu berkaitan dengan Undang-Undang Keluarga Islam. Pembentukan undang-undang ini bertujuan meningkatkan kredibiliti Pentadbiran Undang-Undang Keluarga Islam dan penyusunan semula dengan lebih banyak cara yang teratur dalam menjamin perlindungan hak-hak orang Islam termasuklah hak-hak untuk wanita dalam perkahwinan dan perceraian. Walaupun peruntukannya terperinci dan menyeluruh, masih banyak kes wanita Muslim yang dilaporkan menghadapi kesukaran dalam menuntut hak-hak mereka setelah bercerai. Sebilangan besar kesukaran ini berpunca dari kurangnya maklumat, kesedaran dan pengetahuan mengenai hak dan prosedur mereka untuk membuat tuntutan seperti ditetapkan oleh undang-undang. Kesedaran dan pengetahuan mereka mengenai hak-hak selepas perceraian adalah penting untuk mengelakkan penyalahgunaan dan ketidakadilan berlaku.

Pelbagai pihak muncul dengan imej untuk memberikan pembelaan kepada wanita dan ada ketikanya ia lebih menampilkan kejahatan kita sendiri terhadap undang-undang yang

sepatutnya bersifat melindungi. Kes-kes perbicaraan tentang tuntutan hak-hak ini jika tidak ditangani dengan baik akan mengundang pertelingkahan antara pihak suami dan juga isteri. Mahkamah Syariah adalah saluran terbaik bagi menyelesaikan sebarang perbalahan berkaitan dengannya. Kemungkinan timbul beberapa kesulitan ketika berurusan bagi menyelesaikan permasalahan ini, namun jika dibantu oleh pihak bertanggungjawab, melalui proses yang betul serta penyediaan dokumen yang tepat, kesulitan tersebut boleh diuruskan dengan baik.

Apakah hak-hak wanita yang boleh dituntut selepas perceraian? Bersandarkan dalil dan perbahasan ulama terdahulu, peruntukan undang-undang yang terpakai di Malaysia telah memperuntukkan bahawa wanita selepas perceraian boleh membuat tuntutan mahar yang terhutang, nafkah iddah, mut'ah, hadhanah, nafkah anak, harta sepencarian, hutang penghakiman/tunggakan hutang, nafkah isteri tertunggak, hak tempat tinggal dan perintah tegahan. Namun ia bukanlah boleh dituntut sekaligus, terdapat halangan-halangan tertentu yang wujud bagi menjaga kebajikan pihak-pihak yang terlibat dalam perceraian tersebut (Nasri, Suhardi & Ismail 2020).

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini secara teorinya merupakan kajian yang bersifat kualitatif, iaitu kajian yang mengadaptasi metode pengumpulan data melalui penganalisisan kandungan dokumen. Data kajian ini diperolehi daripada sumber primer dan sumber sekunder dari data berbentuk tekstual. Antaranya al-Quran dan al-Hadis yang digunakan para ulama sebagai dalil terhadap pandangan mereka, kitab-kitab fiqh yang membahaskan pandangan para ulama berhubung hak-hak wanita selepas perceraian. Data juga diekstrak dari buku-buku ilmiah, jurnal, kertas persidangan, seminar, kertas penyelidikan, laporan akhbar dan majalah, portal-portal rasmi di laman sesawang sama ada dalam bahasa melayu, bahasa Inggeris, atau bahasa Arab, dan statut perundangan yang berkuat kuasa iaitu Akta/Enakmen Pentadbiran Agama Islam atau Enakmen/Ordinan Mahkamah Syariah negeri-negeri di Malaysia. Data-data yang diperolehi dalam bentuk dokumen atau tekstual ini kemudiannya dianalisis menggunakan analisis kandungan.

## **ANALISIS SOROTAN LITERATUR**

Artikel ini merupakan satu sorotan terhadap kajian dan penulisan lepas berkaitan isu kesedaran wanita berkerjaya berkaitan tuntutan hak-hak selepas perceraian. Permasalahan ini dikaji berikutan laporan jumlah perceraian di Malaysia dilihat sentiasa meningkat saban tahun. Bagaimana pula dengan hak dan kebajikan pihak-pihak yang terlibat dengan perceraian juga harus dilihat bersama. Merujuk kepada fenomena perceraian ini, didapati banyak melibatkan pasangan berumur 25-35 tahun (Berita Harian, 2020). Berdasarkan tafsiran Jabatan Perangkaan Negara, lingkungan umur tersebut adalah mereka yang sudah bekerja. Oleh sebab itu kajian ini memfokuskan dapatan kajian lepas mengenai kesedaran wanita berkerjaya dengan membandingkan juga dengan yang tidak bekerja bagi melihat situasi kesedaran mereka. Justeru, penulisan ini akan menyorot dari sudut pengetahuan dan pemahaman wanita terhadap hak-hak selepas perceraian. Sudah tentu berbeza mereka yang mengetahui semata-mata dengan mereka yang mempunyai pengetahuan dan memahaminya. Kesedaran wanita terhadap hak-hak selepas

perceraian juga dikaitkan dengan tindakan yang berani diambil walaupun kemungkinan akan ada kesulitan bakal timbul dalam menjalani proses tersebut. Tindakan menuntut hak yang telah ditentukan ini bukti kesedaran itu wujud dalam diri dan sedar akan kesan positif yang akan dinikmati apabila wanita menjaga hak-haknya selepas perceraian berlaku.

### **Pemahaman Wanita Terhadap Hak-hak Selepas Perceraian**

Kefahaman berhubung hak dan undang-undang berkaitan merupakan satu keperluan khususnya para wanita kerana dengan tahap kefahaman yang tinggi akan menumbuhkan deria kesedaran dan hak seseorang itu tidak mudah diketepikan. Ini kerana kebanyakan kes yang melibatkan kaum wanita seperti perkahwinan, perceraian dan penganiayaan adalah berpunca daripada kurangnya kefahaman tentang hak sebenar mereka. Perkara tersebut dijelaskan oleh Zaleha Kamaruddin bahawa statistik menunjukkan kebanyakan kes yang melibatkan jenayah terhadap kaum wanita tidak dilaporkan kerana sikap malu yang keterlaluan serta ramai wanita yang masih samar-samar di antara hak dan tanggungjawab mereka.

Istilah kefahaman didefinisikan sebagai keupayaan untuk memahami sesuatu (Kamus Pelajar Edisi Kedua, t.th.), sama ada faham atau tidaknya seseorang akan sesuatu yang dipelajari melalui pembacaan dan sebagainya. Kefahaman dalam kajian ini merujuk kepada memahami hak-hak selepas perceraian dan perkara-perkara yang melibatkan proses menuntut hak-hak tersebut dan kesannya (Baharom, 2005).

Tinjauan kepada kajian Mohd Khairul Anuar (2014) mendapati bahawa majoriti responden sedar akan hak mereka terhadap mas kahwin tertunggak, nafkah *iddah*, dan harta sepencarian selepas bercerai. Namun, majoriti mereka tidak menyedari akan hak *mut'ah* dan *hadhanah* selepas bercerai. Penulisan ini juga merumuskan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan mengenai kefahaman wanita berhubung peruntukan hak selepas bercerai mengikut peringkat umur dan tahap pendidikan. Namun, tidak terdapat perbezaan yang signifikan mengenai kefahaman wanita berhubung peruntukan hak selepas bercerai mengikut status perkahwinan. Responden kepada kajian ini adalah secara rawak meliputi wanita yang berkahwin, belum berkahwin, dan sudah bercerai malahan ada yang berkerjaya dan juga tidak bekerja.

Dapatan kajian Dahalan (2007) pula mendapati bahawa jenis kerjaya wanita mempengaruhi kesedaran iaitu wanita yang berkerjaya profesional seperti guru, pensyarah lebih mengetahui dan mengambil berat soal dan hak mereka selepas bercerai. Kajian mengenainya telah dijalankan melalui pengedaran borang soal selidik kepada kaum wanita berkerjaya di kawasan Bukit Mertajam, Perai dan Permatang Pauh dalam Daerah Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang. Data juga diperolehi daripada kes-kes yang dirujuk di Mahkamah Rendah Syariah Bukit Mertajam.

Himpunan dari penulisan Azlina (2007), Khairawati (2001), Noreliyusnita (1998) dan Norhayati (1994) melalui kajian kes yang dilaksanakan telah membincangkan tentang kepentingan wanita dalam memahami hak-hak mereka seperti yang termaktub dalam Undang-Undang Keluarga Islam bagi Wilayah Persekutuan, Terengganu, Selangor dan Sarawak. Kajian Azlina (2007) menyatakan bahawa wanita berhak mengetahui dengan terperinci tentang hak-hak mereka untuk memudahkan wanita menyelesaikan masalah yang timbul dalam kehidupan. Kajian yang dibuat oleh Noreliyusnita (1998) di Meru, Klang mendapati bahawa penduduk

wanita yang terpilih merasa kesal apabila tidak dapat menjawab persoalan yang ditanya berkaitan hak-hak mereka. Manakala Khairawati (2001) pula merumuskan bahawa pemahaman yang cetek ini akan menyebabkan wanita Islam ketinggalan dalam mendapat hak-hak yang sepatutnya dimiliki oleh mereka. Penekanan oleh Norhayati (1994) bahawa hak-hak wanita yang terdapat dalam Ordinan Undang-Undang Keluarga Islam di Sarawak perlu didedahkan kepada masyarakat di Bandar Kuching untuk memastikan peruntukan tersebut dapat diaplikasikan dengan jayanya.

Kajian oleh Ibrahim dan Ismail (2018) pula dibuat bagi melihat sejauh mana tahap kefahaman wanita terhadap hak harta sepencarian selepas perceraian. Harta sepencarian merupakan harta yang diperoleh semasa dalam tempoh perkahwinan melalui sumbangan secara langsung mahupun tidak langsung. Setiap pasangan suami isteri perlu memahami hak masing-masing dalam tuntutan harta sepencarian terutamanya apabila berlaku perceraian. Namun, masih terdapat segelintir masyarakat terutamanya golongan wanita yang tidak memahami sepenuhnya hak-hak tersebut seperti mana yang diperuntukkan dalam Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam. Hasil kajian menunjukkan tahap kefahaman wanita di daerah Kuala Langat, Selangor terhadap hak harta sepencarian selepas perceraian berada pada tahap yang tinggi dengan nilai skor min = 2.71.

Sekumpulan penulis iaitu Mohd, Ibrahim, dan Mohd (2011) telah menghurai secara jelas mengenai nafkah isteri bekerja dalam Undang-Undang Islam. Nafkah merupakan hak isteri yang wujud apabila selesainya akad perkahwinan. Hak ini menjadi jaminan sosial dalam Islam bagi melindungi kemaslahatan wanita yang berkahwin. Walaupun nafkah terbatas atas sebab tertentu seperti isteri tidak taat (*nusyuz*), tetapi tidak terbatas bagi isteri yang bekerja atau tidak bekerja. Walaupun terdapat peruntukan Undang-undang Keluarga Islam yang memberi ruang kepada golongan wanita untuk mendapat dan menuntut hak yang sepatutnya tetapi masih terdapat juga segelintir masyarakat yang kurang memahami sepenuhnya terhadap hak-hak wanita seperti mana yang terdapat dalam Undang-undang Keluarga Islam bahkan terdapat juga kes-kes yang menunjukkan bahawa golongan ini turut ditindas dan dinafikan haknya dalam sesebuah perkahwinan.

Berlainan pula dengan nasib wanita Islam di Thailand. Walaupun isu-isu seperti perceraian dan tuntutan wanita setelah dicerai termasuk isu *mut'ah*, nafkah *'iddah*, mahar (maskahwin) tertunggak dan harta sepencarian bukanlah suatu fenomena asing dalam kalangan wanita Islam di sana, tiada peruntukan undang-undang yang cukup dan lengkap bagi mengatasi masalah yang dihadapi oleh mereka. Apa yang penting ialah kefahaman masyarakat terhadap tugas, peranan dan tanggungjawab yang mesti dimainkan oleh setiap individu agar tidak berlaku sebarang penyelewengan dan penganiayaan dalam masyarakat. Ini adalah hasil kajian Abd. Rahman (2003).

Pendidikan merupakan salah satu kaedah peningkatan pemahaman kepada masyarakat. Pendekatan pedagogi dikesan sebagai pendekatan yang berkesan dalam menyebarkan maklumat berkaitan hak wanita dalam Islam. Pendekatan ini membantu memberi pemahaman dan kesedaran wanita Islam mengenai hak mereka. Tinjauan ringkas dibuat mengenai penyelidikan, model dan literatur yang berkaitan mengenai gerakan hak wanita dalam pendidikan. Penerokaan pedagogi dalam pendidikan, kewujudan feminis dalam feminisme pergerakan dan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran pengalaman dalam pendidikan hak wanita Muslim. Kajian Sharifah Nooraida Wan Hasan (2016) menunjukkan bahawa para

pensyarah berminat untuk memasukkan pendidikan hak wanita Islam pelajaran mereka. Begitu juga, penting bagi pendidik untuk mencari pendekatan yang sesuai dalam memupuk pemahaman mengenai hak wanita Islam, seterusnya untuk pengajaran yang lebih berkesan dan pembelajaran.

Kepelbagaian kajian dibuat sama ada dari segi pemilihan responden, lokasi, mahupun metodologi yang digunakan ini dapat memberi implikasi kepada agensi-agensi yang terlibat dalam membantu meningkatkan tahap kefahaman kepada lebih ramai lagi wanita terhadap hak-hak selepas perceraian. Tahap kefahaman dilihat berbeza mengikut peringkat umur, tahap pendidikan, jenis pekerjaan dan sebagainya. Namun ia sepatutnya ia tidak menjadi satu alasan untuk tidak mengambil berat untuk memahami hak-hak diri terutamanya wanita kerana kesedaran sendiri penting untuk wanita mengawal emosi, berinteraksi dengan masyarakat dan menyelesaikan permasalahan yang dihadapi.

### **Pengetahuan Wanita Berkerjaya Terhadap Hak-hak Selepas Perceraian**

Pengetahuan adalah satu peringkat dalam bentuk kebenaran, prinsip dan juga maklumat di mana ia berasal daripada pengalaman baru ataupun lampau sama ada diketahui diri sendiri atau dari sumber lain yang digunakan untuk mencapai matlamat (Mohd Affandi, H., Amiruddin, M.H., Che Hassan, Y. & Zainudin 2015). Melalui pengetahuan, seseorang akan mempunyai kesedaran dan peka dengan apa yang terjadi di sekelilingnya. Pengetahuan boleh diperolehi dengan usaha sendiri atau didapati dari pelbagai usaha dan inisiatif yang dijalankan oleh pihak lain. Tiada timbul isu penindasan, penderaan, ketidakadilan dan pencabulan hak asasi sekiranya syariat Islam diperakui dan dilaksanakan sepenuhnya oleh individu Muslim kerana agama Islam merupakan agama syumul yang sentiasa memartabatkan kaum wanita dan wanita perlu ada pengetahuan tentang hak-hak yang berkaitan dengan dirinya.


Menurut H. M. bt. H. Ibrahim (2001) dalam kajiannya menjelaskan bahawa secara umumnya wanita kurang mengambil perhatian yang cukup terhadap hak dan kedudukan mereka sama ada berdasarkan hukum syarak apatah lagi di bawah peruntukan undang-undang. Ini mendedahkan mereka kepada penafian sesetengah hak atau penafian dalam sesetengah keadaan yang lain. Apabila berlaku perselisihan faham, persengketaan, penderaan atau perceraian antara suami dan isteri, sesetengah wanita tidak mengetahui dan tidak menyedari adanya hak-hak mereka yang diperuntukkan di bawah Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam.

Disokong oleh kenyataan salah seorang Hakim Mahkamah Rendah Syariah, Wilayah Persekutuan yang bertajuk “Kes Tertangguh Jangan Salahkan Mahkamah Syariah”; bahawa adalah tidak wajar menyalahkan Mahkamah Syariah sebagai punca utama berlakunya penangguhan kes (Utusan Malaysia, 2002). Hakim Syari`e tersebut mengesyorkan agar wanita mempertingkatkan pengetahuan tentang undang-undang terutama sekali yang berkaitan dengan hak-hak mereka. Pelbagai usaha telah dijalankan oleh pihak mahkamah untuk mengurangkan kes-kes tertangguh ini.

Tidak dinafikan walaupun peruntukan disediakan tetapi masih banyak berlaku keadaan di mana hak-hak wanita diabaikan khususnya selepas bercerai. Ini disebabkan oleh kurangnya kesedaran dalam kalangan wanita berhubung peruntukan hak mereka selepas bercerai (Raihanah & Soraya 2009). Hal demikian selari dengan pandangan Masnon (2001) dan Noor

Aziah (2011) bahawa secara umumnya wanita hari ini masih kurang pengetahuan mengenai haknya di sisi undang-undang. Kesimpulan dari dapatan Ismail, Abdullah, dan Hasan (2014) menyatakan bahawa keupayaan wanita Islam dalam menyedari hak-hak selepas bercerai berkait rapat dengan pengetahuan dan pemahaman mereka terhadap hak-hak yang seharusnya dimiliki. Kesedaran wanita merupakan satu keperluan dalam mendapatkan hak yang sewajarnya ke atas mereka. Wanita perlu dididik supaya mereka celik undang-undang terutama mengenai hak-hak mereka bagi mengelakkan diri mereka teraniaya

Rajah 1: Proses Penumbuhan Kesedaran Hak-hak Wanita



Mengambil pengalaman pengamal undang-undang, Datuk Zainul Rijal Abu Bakar yang merupakan Presiden Persatuan Peguam-Peguam Muslim Malaysia berkata; ketidakfahaman terhadap undang-undang keluarga Islam menyebabkan ramai wanita berasakan diri teraniaya. "Banyak salah faham berlaku terhadap undang-undang keluarga Islam, sedangkan isteri berhak mendapat tuntutan harta sepencarian jika berlaku perceraian atau suami meninggal dunia. "Jika dokumen tuntutan lengkap, saya percaya setiap kes boleh diselesaikan dengan cepat sebelum daripada perbicaraan.". Penulisan Latifah (2016) ini merumuskan bahawa pengetahuan dan celik undang-undang penting bagi memastikan kes tuntutan dibawa melalui proses yang betul dan dokumen yang mencukupi dapat memastikan kes dapat berjalan lancar dan tidak ditangguhkan dengan alasan yang tidak perlu.

Bagi menangani masalah sosial seperti penderaan atau keganasan rumahtangga, satu tinjauan telah dibuat oleh *Bellingham-Whatcom County Commission against Domestic Violence* (Bellingham, 2002). Dapatan daripada tinjauan ini mendapati bahawa halangan dalaman seperti emosi, sikap, pengetahuan dan kesedaran mereka tentang masalah keganasan rumah tangga adalah penghalang bagi mereka untuk mencari jalan keluar bagi masalah ini. Kekurangan ilmu pengetahuan mengenai keganasan rumah tangga merupakan halangan utama dalam membuat keputusan. Maka, kaitan pengetahuan dengan cara seseorang menangani masalah adalah amat penting. Wanita yang tidak mempunyai pengetahuan atau tidak berusaha mendapatkan maklumat akan tidak menyedari hak-hak mereka yang boleh dituntut apabila berlaku perceraian.

### **Tindakan Wanita Dalam Menuntut Hak-hak Selepas Perceraian**

Pada pertengahan 1990-an, media massa banyak mengaitkan isu berkaitan Perundangan Islam di Mahkamah Syariah Malaysia. Perkara itu timbul kerana rasa tidak puas hati orang ramai terutamanya wanita; yang kecewa dengan pentadbiran keadilan Mahkamah Syariah. Antara isu yang dibangkitkan ialah kelewatan Mahkamah Syariah dalam menyelesaikan kes. Keadaan ini menunjukkan seolah-olah wanita telah ditindas dan terpinggir dari keadilan. Isu ini telah memberi impak negatif kepada Mahkamah Syariah sebagai institusi yang membantu dan menegakkan keadilan. Analisis daripada kajian Raihanah Abdullah (2009) antara penyebab

utama kelewatan penyelesaian kes adalah penangguhan kes ke satu tarikh yang lain padahal ia merupakan sebahagian dari proses perbicaraan mahkamah. Sisi positif yang dapat dilihat, kesan daripada kritikan media dan masyarakat ini, pelbagai usaha telah dijalankan oleh pihak mahkamah untuk mengurangkan kes-kes tertangguh ini. Antara penyelesaiannya adalah penambahan bilangan hakim, pemerksaan kompetensi bakat atau latihan peningkatan profesionalisme para pengamal undang-undang, penambahan mahkamah di kawasan penduduk yang padat dan memperkenalkan kaedah penyelesaian kes tertentu dengan lebih cepat seperti *sulh*.

Hasil kajian Hamzah @ Ahmad, Rawaida dan Zulkifli (2011) mendapati berkaitan hak-hak isteri selepas berlaku perceraian terdapat padanya tujuh hak yang diperuntukkan di dalam Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Johor) 2003 iaitu hak tuntutan mutaah, tunggakan hutang, nafkah *iddah*, harta sepencarian, hak jagaan anak (*hadhanah*), nafkah anak dan perintah tegahan. Manakala yang kedua, bahawa hak nafkah yang boleh dituntut dalam *iddah* adalah hak nafkah *iddah* dan nafkah anak. Seterusnya yang ketiga, berdasarkan kes-kes tuntutan yang dibuat di Mahkamah Syariah Johor Bahru yang berjaya dianalisis menerangkan bahawa kesedaran kaum wanita yang bercerai yang jelas dengan haknya dan sedar akan berani untuk tampil ke muka pengadilan bagi menuntut haknya.

Bersuara dan bertindak dengan penuh strategi bukanlah sesuatu yang asing dengan wanita Islam. Sejak zaman Rasulullah s.a.w. lagi, wanita Islam telah dengan berani bersuara dan bertindak demi hak mereka. Misalnya, kita pernah terbaca kisah di mana wanita Islam meminta Rasulullah menetapkan masa yang khusus untuk mereka belajar agama dari Baginda agar mereka tidak perlu berebut dengan kaum lelaki untuk bertanya soalan. Alhamdulillah, Rasulullah s.a.w. memperkenankan permintaan tersebut (Rahman, 2003).

Masih ramai wanita menganggap proses membuat tuntutan di Mahkamah adalah suatu yang leceh dan menyusahkan. Oleh itu kebanyakan wanita yang tidak menuntut boleh dianggap mempunyai tahap kesedaran yang rendah. Seorang pengamal undang-undang dan juga aktivis kemasyarakatan, Noor Aziah membuat kenyataan: "Bagaimanapun, ramai tidak tahu mengenai hak mereka, sehingga banyak kes wanita tidak menuntut pun harta sepencarian selepas bercerai.". Kenyataan tersebut dirakam dalam Forum Hak-Hak Wanita Menurut Syarak dan Perundangan Islam yang berlangsung di Masjid Wilayah Persekutuan. Ada wanita yang tidak menuntut harta sepencarian kerana terkilang apabila proses tuntutan mengambil masa panjang sehingga perlu turun naik mahkamah bertahun-tahun. Disebabkan itu, mereka tidak menuntut harta sepencarian kerana tidak mampu membiayai kos peguam.

Menurut Teori *Fogg Model Behavior* (FBM), terdapat 3 faktor yang boleh mempengaruhi tindakan seseorang dalam melakukan sesuatu perkara. Tiga faktor yang dicadangkan oleh BJ Fogg (2011) bagi mencapai perlakuan yang disasarkan iaitu motivasi, keupayaan dan *triggers* (cetusan). Model FBM ini mencadangkan bahawa seseorang itu perlu mempunyai motivasi yang cukup, keupayaan yang cukup, dan pencetus (*trigger*) yang berkesan bagi mencapai sasaran perlakuan (*target behavior*). Mengaplikasi teori ini dalam menggambarkan tindakan wanita dalam menuntut hak-hak selepas perceraian ialah apabila wanita mempunyai keinginan mempertahankan haknya, cukup memahami apa yang perlu dilakukan dan kadar kesedaran yang tinggi sudah pasti tindakan menuntut akan diambil.

Rajah 2: Rangka Fogg Behavior Model (FBM)



Hasil carian di dalam kajian-kajian yang mengkaji kefahaman, pengetahuan mahupun kesedaran wanita dalam menuntut hak-hak selepas perceraian, tiada kajian mendalam yang membentangkan hasil kajian faktor atau punca yang mendorong seseorang wanita untuk mengambil tindakan untuk menuntut hak-hak yang sedia tercatat dalam undang-undang.

### **Kesan Kesedaran Terhadap Hak-hak Selepas Perceraian Kepada Wanita Berkerjaya**

Kesedaran boleh memberi kesan kepada sikap seseorang individu berubah di mana ia akan mendorong kepada perubahan tingkah laku. Hal ini terjadi apabila tingkah laku manusia yang mempunyai kaitan dengan sikap. Apabila sikap telah berubah, maka tingkah laku manusia secara tidak langsung akan berubah (Mohd Hilmi, M. & Kamaliah 2013). Sikap merupakan tingkah laku psikologi yang tidak boleh diperhatikan secara keseluruhan melalui perlakuan dimana ia akan berlaku daripada dorongan dalaman yang diperolehi daripada pengalaman lepas serta pada masa hadapan. Sikap yang positif akan mempengaruhi tingkah laku yang baik manakala sikap yang negatif akan memberi impak yang buruk kepada tingkah laku.

Peruntukan hak wanita selepas bercerai yang diperuntukkan dalam Islam adalah sebagai salah satu bentuk jaminan dan sokongan kelangsungan hidup wanita seperti dalam perbincangan Ros Asmaniza Abdul Latif dan Raihanah Abdullah (2013) yang mengupas bahawa hak *Muta'h* adalah sebagai jaminan hak dan perlindungan kepada wanita yang telah bercerai yang telah diperuntukkan dalam Islam. Aspek perlindungan yang dimaksudkan adalah perlindungan emosi dan material yang telah secara rasminya diberikan oleh syarak kepada wanita sebagai salah satu manifestasi yang menunjukkan bahawa golongan ini telah diberikan jaminan perlindungan sepanjang hidup mereka dalam apa jua keadaan.

Di akhir kajian Hamzah @ Ahmad, Rawaida dan Zulkifli (2011) pula, beberapa cadangan telah dikemukakan kepada pihak-pihak tertentu untuk meningkatkan lagi kesedaran kaum wanita yang bercerai dalam menuntut haknya bagi melindungi dirinya dan anak-anak di bawah jagaannya agar dapat menjalani kehidupan dengan selesa serta terjamin masa depan anak-anaknya dengan keperluan hidup yang sesuai dan mencukupi. Bertepatan dengan rumusan kajian Noor Zanariah (2012) bahawa ibu kebiasaan mendapat atau menuntut hak jagaan anak (*hadhanah*). Hak menjaga dan menjaga anak-anak adalah berbeza antara satu sama lain. Penjagaan terutamanya terletak pada wanita, terutamanya ibu, dan penjagaan adalah hak lelaki, seperti bapa dan datuk. Kedua-dua hak memerlukan kewajipan berbeza dari ibu dan ayah. Artikel ini juga membincangkan isu-isu yang timbul dari jagaan dan jagaan hak semasa berkahwin dan juga selepas perceraian.

Wanita berkerjaya adalah insan yang berhadapan dengan ujian getir kerana terpaksa memikul dua tanggungjawab dalam satu masa dan dalam masa yang sama mencari rezeki untuk keluarganya. Mereka bukan sahaja mengalami reaksi emosi selepas perpisahan, saraan hidup,

perkembangan sosial dan sebagainya di samping terpaksa memikul tugas sebagai ibu dan ayah bagi mendidik anak dengan sebaiknya. Wanita yang mengalami proses perceraian juga merupakan insan yang perlu diberikan hak dan kedudukan yang sewajarnya agar mereka tidak berasa tersisih daripada masyarakat. Masyarakat hendaklah memberi perhatian kepada mereka untuk mengembalikannya kehidupan mereka ke arah yang lebih positif.

Kesedaran wanita tentang hak dan tanggungjawab dalam keluarga dan kerjaya adalah penting agar mereka tidak ditindas oleh manusia atau sistem yang tidak adil. Selain itu, kefahaman wanita terhadap hak dan tanggungjawab mereka juga penting untuk keseimbangan dan kebahagiaan hidup. Selari dengan hasrat kerajaan untuk memperkasa golongan wanita, satu kajian telah dibuat untuk mengkaji sejauh mana kesedaran pekerja wanita Muslim di UNITEN dan UPM terhadap hak dan tanggungjawab mereka dalam keluarga dan kerjaya. Ia bertujuan untuk memastikan bahawa pekerja wanita Muslim memahami dengan baik tentang hak dan tanggungjawab mereka untuk mencapai keseimbangan hidup (Awang et al. 2019). Kajian mendapati secara keseluruhannya pekerja wanita Muslim di UNITEN dan UPM mempunyai kesedaran yang tinggi terhadap hak dan tanggungjawab mereka dalam keluarga dan kerjaya. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa aspek tentang konsep hak dan tanggungjawab dalam keluarga dan kerjaya yang perlu diberikan pendedahan untuk menambahkan kefahaman mereka bagi mencapai keseimbangan hidup antara keluarga dan kerjaya.

Penulisan Hashim dan Mohamad (2000) dalam kertas kerja mereka memaparkan apakah cabaran yang dihadapi oleh wanita berkerjaya berdasarkan satu kajian yang dibuat ke atas kaum wanita di Lembah Klang. Kajian ini dilakukan berikutan data daripada Bancian Negara menunjukkan peratus wanita yang terlibat dalam kerjaya profesional semakin meningkat saban tahun. Langkah-langkah ke arah meningkatkan keperkasaan diri untuk mendepani semua permasalahan yang dihadapi akan turut diketengahkan. Ini sangat penting kerana dengan kekuatan menguruskan segala cabaran, maka matlamat untuk membentuk keluarga dan anak-anak yang cemerlang akan tercapai. Ia juga akan turut menjadi pemangkin kepada pembinaan masyarakat Hadhari yang bercirikan kehidupan berkualiti dan mempunyai keutuhan jati diri serta moral yang tinggi seperti mana dikehendaki oleh pihak kerajaan.

Berdasarkan penelitian terhadap kajian-kajian lepas, didapati tidak banyak penulisan yang mengaitkan kesan kepada wanita apabila mereka kesedaran hak-hak wanita selepas bercerai. Jika diteliti kesannya bukan sahaja kepada wanita tersebut tetapi juga kepada anak-anak dan ayah kepada anak tersebut serta masyarakat sekeliling. Dicadangkan kajian yang mendalam dan menyeluruh dibuat bagi membentangkan kesan positif yang akan terhasil sekiranya semua wanita sedar akan hak-hak yang mereka perlu lindungi tersebut.

## **KESIMPULAN**

Analisis daripada sorotan kajian lepas menunjukkan dengan jelas kaitan yang kuat antara kefahaman, pengetahuan, tindakan dengan kesedaran wanita berkerjaya tentang hak-hak selepas perceraian. Dapatan dari hasil kajian kefahaman, majoriti wanita tidak memahami kesemua hak-hak yang boleh dituntut dan merasa menyesal kerana tidak begitu memahami hak-hak mereka sedangkan hal ini boleh membantu mereka menjalani kehidupan selepas perceraian dengan lebih baik. Kefahaman yang tinggi akan memberi kesedaran kepada wanita untuk

mempertahankan hak-hak mereka dan dapat mengelakkan dari sebarang penindasan, ketidakadilan dan pengabaian.

Rumusan daripada dapatan kajian pengetahuan pula menunjukkan bahawa pengetahuan mengenai hak-hak selepas perceraian sangat penting sebagai panduan kepada wanita untuk menuntut hak-hak selepas perceraian. Pengetahuan mengenainya akan membantu dalam proses memahami, melalui proses dan menyelesaikan kes-kes tuntutan yang dibuat. Penelitian kepada penulisan lepas menunjukkan bahawa wanita berkerjaya profesional lebih mempunyai kesedaran terhadap hak-hak selepas perceraian berkemungkinan peluang untuk akses kepada maklumat lebih mudah dan cepat berbanding wanita yang tidak berkerjaya. Namun masih tidak cukup kuat kerana terdapat kajian yang tidak memfokuskan kepada wanita yang berkerjaya sebagai responden. Ironinya, pengetahuan yang tinggi dengan memahami maklumat yang diperolehi akan membantu wanita membuat keputusan iaitu mengambil tindakan untuk menuntut hak yang selayaknya. Hal ini bermaksud, seseorang akan membuat keputusan untuk bertindak setelah menilai perlakuan itu baik ataupun buruk.

Berbeza pula dengan dapatan penulisan yang memaparkan kesan positif hasil dari kesedaran mengenai hak-hak selepas perceraian. Adalah sangat perlu diperbanyak lagi penulisan yang menjelaskan kesan kepada wanita apabila mempunyai kesedaran tentang hak-hak mereka ini bagi memberi satu perubahan yang baik ke dalam masyarakat malahan imej Islam akan melonjak naik melihat agama yang syumul ini begitu menjaga kebajikan penganutnya. Penulisan seperti ini dapat memberi implikasi kepada agensi-agensi yang terlibat dalam membantu meningkatkan kesedaran kepada lebih ramai lagi wanita terhadap hak-hak selepas perceraian. Kajian perlu dilakukan kepada pelbagai kumpulan responden, pelbagai lokasi sama ada di bandar dan luar bandar bagi melihat kesedaran mereka agar semua tidak merasa terpinggir dan kaedah peningkatan kesedaran yang dilakukan tepat mengenai kumpulan sasaran.

## RUJUKAN

- BJ Fogg. 2011. *Tiny Habits: The Small Change Can Change Everything*. t.tp.: Stanford University.
- Hamzah @ Ahmad, Rawaida and Zulkifli, Abdul Halim. 2011. Hak-Hak Isteri Dalam Iddah Menurut Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Johor) 2003. Universiti Teknologi Malaysia.
- Hasan, Najibah. 1995. Wanita Perlu Tahu Hak Mereka. *Utusan Malaysia*, 1995.
- Hasbi Haji Muh. Ali. 2013. Mahar Sebagai Satu Bentuk Jaminan Sosio-Ekonomi Wanita: Kajian Di Tawau, Sabah. Universiti Malaya.
- Hashim, Nurhidayah Muhd & Syarifah Zahrah Syed Mohamad. 2000. Cabaran Wanita Bekerjaya Dalam Pembentukan Keluarga Hadhari. *CITU* 19–29.
- Hashmi, Norhayati. 1994. Hak Dan Perlindungan Wanita Dalam Ordinan Undang-Undang Keluarga Islam Sarawak 1991: Kajian Mengenai Pemahaman Wanita Islam Di Kuching, Sarawak. Latihan Ilmiah Ijazah Sarjana Muda Yang Tidak Diterbitkan, Universiti Malaya.
- Ibrahim, Asmak, dan Nurbazla Ismail. 2018. Tahap Kefahaman Wanita Mengenai Tuntutan Harta Sepencarian Selepas Perceraian Di Daerah Kuala Langat, Selangor. *Journal of*

- Advanced Research in Social and Behavioural Sciences* 2(2): 144–56.
- Ibrahim, Hajah Masnon bt. Hj. 2001. Hak Wanita Dalam Undang-Undang Keluarga Islam Di Brunei. Universiti Malaya.
- Ismail, Mohd Khairul Anuar, Raihanah Abdullah & Sharifah Nooraida Wan Hasan. 2014. Perlukah Wanita Dididik Dengan Hak-Hak Wanita Selepas Perceraian. *The Online Journal of Islamic Education* 2(2): 83–95.
- Jalaluddin, Nor Hashimah, Mariati Mokhtar, & Zaharani Ahmad. 2014. Imej Wanita Dalam Undang-Undang Melaka: Pembuktian Linguistik. *Journal of Language Studies (GEMA Online* 14 (February): 203–16.
- Kamaruddin, Khairawati Suraya. 2001. Pemahaman Wanita Tentang Hak-Haknya Dalam Undang-Undang Keluarga Islam Di Terengganu. Latihan Ilmiah Ijazah Sarjana Muda Yang Tidak Diterbitkan, Universiti Malaya.
- Kamus Pelajar Edisi Kedua. t.tp. <http://prpm.dbp.gov.my/CariI?keyword+kefahaman>.
- Latifah. 2016. Hak Wanita Dalam Harta Sepencarian. *Berita Harian Online*, 2016.
- Mohd Affandi, H., Amiruddin, M.H., Che Hassan, Y. dan Zainudin, F.L. 2015. Practice Among Malaysian Premier Polytechnics Academics. *Journal of Technical Education and Training (JTET)* 7(02): 1–11.
- Mohd Anuar, Ramli, Jamaludin Mohammad Aizat, dan Rosele Muhammad Ikhlas. t.th. Hak Pewarisan Wanita: Antara Ketetapan Syariat Dengan Tuntutan Perubahan Sosial.
- Mohd Hilmi, M., dan S. Kamaliah. 2013. Kempen Pencegahan H1N1: Kajian Tentang Pengetahuan, Sikap Dan Amalan Penduduk Di Timur Laut Pulau Pinang. *Jurnal Komunikasi* 29(1): 127–140.
- Mohd Khairul Anuar. 2014. Kefahaman Wanita Terhadap Peruntukan Hak Selepas Bercerai Menurut Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Kelantan No. 6/2002: Kajian Di Kota Bharu. *Universiti Malaya, Kuala Lumpur*, no. Islamic Family Law: 170.
- Mohd Musa Sarip & Mohamad Sabri Haron Khairul Anwar Mastor. 2014. Sikap Pencarum Dan Pengaruh Terhadap Tingkah Laku Penamaan Wasi Di Kumpulan Wang Simpanan Pekerja. *E-Jurnal Penyelidikan & Inovasi* 1(2): 1–15.
- Mohd, Azizah, Badruddin Hj Ibrahim & Saidi Mohd. 2011. Nafkah Isteri Bekerja Dalam Undang-Undang Islam. *KANUN* 23(2): 180–94.
- Mustari, Mohd Ismail, Robiah Ya'akob, Syarifah @ Noriana Chik, Kamarul Azmi Jasmi, dan Ahmad Kilani Mohamed. 2004. Cabaran Ibu Tunggal Dalam Melaksanakan Tanggungjawab Pendidikan Anak-Anak: Satu Kajian Kawasan Sura, Dungun, Terengganu. In *Seminar Pembangunan Keluarga Kebangsaan*. Pusat Pembangunan Keluarga UM (UMCFD), UM.
- Nasri, Mohd Sabree, Mohd Shauqi Saiful Suhardi, dan Mohamad Afandi Md Ismail. 2020. Hak Isteri Selepas Perceraian Menurut Undang-Undang Keluarga Islam Di Malaysia: Analisis Faktor Penghalang Memperolehnyanya. *Journal of Law & Governance* 3(1): 42–58.
- Noor, Zanariah. 2012. “Isu-Isu Berbangkit Dari Hak Hadhanah Dan Hak Perwalian Anak” 20 (1): 123–44.
- Nor, Azlina Mohamad. 2007. Pemahaman Wanita Terhadap Hak-Hak Mereka Dalam Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1948. Latihan Ilmiah Ijazah Sarjana Muda Yang Tidak Diterbitkan, Universiti Malaya.

- Noresah Baharom. 2005. *Kamus Dewan Edisi Keempat*. 04 ed. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nurulbahiah Awang, Adnan Yusoff, Abdul Aziz Mat Isa, Salma Yusof, Shamsul Badli Mohd Yusof & Nassar Nordin. 2019. Kesedaran Wanita Tentang Hak Dan Tanggungjawab Dalam Keluarga Dan Kerjaya: Kajian Kes Di UNITEN Dan UPNM. In *5Th International Seminar on Islamiyyat Studies (IRSYAD 2019)*.
- Osman, Noreliyusnita Mohd. 1998. Hak-Hak Wanita Di Bawah Pentadbiran Undang-Undang Keluarga Islam: Satu Kajian Dari Sudut Pemahaman Wanita Islam Di Meru, Klang, Selangor Darul Ehsan. Latihan Ilmiah Ijazah Sarjana Muda Yang Tidak Diterbitkan, Universiti Malaya.
- Rahman, Hajah Siti Fatimah bt Abdul. 2003. Wanita Berilmu Bersuara Bertindak. IKIM. 2003. <http://www.ikim.gov.my/new-wp/index.php/2003/04/28>.
- Raihanah Abdullah & Ros Asmaniza Abdul Latif. 2013. Mut'ah Al-Talaq: Jaminan Hak Dan Perlindungan Wanita Selepas Perceraian. *Jurnal Syariah* 21(3): 343–62.
- Raihanah Abdullah. 2009. Penangguhan Kes Di Mahkamah Syariah: Cabaran Dan Penyelesaian. *Jurnal Syariah* 17(1): 1–30.
- Samah, Mahamatayuding, dan Raihanah Abdullah. 2017. Sorotan Literatur Terhadap Tuntutan Muslim Di Tiga Wilayah Di Selatan Thailand. *Journal of Shariah Law Research (JSLR)* 2(2): 159–70.
- Sharifah Nooraida Wan Hasan, Raihanah Abdullah. 2016. Hak-Hak Wanita Muslim Dan Pendidikan. *Journal of Shariah Law Research (JSLR)* 1(1): 19–40.
- Shuib, Norhatina. 2018. Hadapi Masalah Emosi Angkara Isu Nafkah Selepas Cerai. *Berita Harian*, November 2018.
- Siti Marziah, Zakaria, Ruzaini Ijon, Wan Yusoff Wan Shahrudin, dan See Soo Yin. 2019. Hubungan Antara Kepuasan Kerjaya, Perapatan Dan Sokongan Sosial Ke Atas Kepuasan Hidup Wanita Berkerjaya Pertengahan Usia Di Kuala Lumpur. *Online Journal of Language, Communication, and Humanities (INSANIAH)* 2(June): 1–13.
- Tatar, Azalina & Latifah Abdul Majid. 2012. Kefahaman Wanita Islam Kelas Menengah Di Lembah Klang Terhadap Islam Liberal. *ISLAMIYYAT* 34: 13–25.
- Violence, Bellingham-Whatcom County Commission against Domestic. 2002. Community Survey Project: Factors That Influence Disclosure of Domestic Abuse to Providers.” *Minnesota Centre Against Violence and Abuse [MINCAVA]*. Minnesota.
- Zulkifli Dahalan. 2007. Kefahaman Wanita Islam Terhadap Hak-Hak Selepas Perceraian: Kajian Kes.